







Program Motivasi Intensif QGen Beri Pendedahan STEM

18 July 2018

Kuantan, 16 Julai – Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Korporat & Kualiti (JHKK), Jabatan Jaringan Industri & Masyarakat (JJIM) dan Persatuan Pelajar Kejuruteraan Kimia (CHEST) telah menganjurkan Kem Motivasi Intensive QGen 2018 yang diadakan di Cempaka Beach Resort, Kuantan, Pahang baru-baru ini.

Program yang melibatkan 98 orang pelajar sekolah tingkatan 4 dan 5 membabitkan lima buah sekolah sekitar Kuantan dan Muadzam Shah merupakan salah satu program khidmat masyarakat tahunan hasil inisiatif tenaga pengajar fakulti ini.

Menurut pengarah program, Dr. Nur Hidayah Mat Yasin, program ini berunsurkan pembentukan akhlak, kepimpinan, kerjasama berpasukan dan pendedahan kepada Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) yang masuk tahun ketiga penganjuran.

“Pendedahan STEM ini perlu dilakukan dengan lebih awal agar mudah difahami pelajar sebelum melangkah ke tahap pendidikan yang lebih tinggi,” katanya. Beliau mengharapkan penglibatan yang lebih banyak dari pihak luar fakulti di samping dapat memantapkan lagi program STEM untuk memberi pendedahan kepada pendidikan STEM kepada pelajar sekolah.

Manakala bagi pelajar tingkatan 4, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Pahang (SMKA) Muadzam Shah, Muhammad Syamil Adli Muhammad Shukri, program ini bukan sekadar memberi pendedahan kepada pendidikan STEM malah turut menekankan aspek kerohanian.

Beliau turut berharap program ini dapat diteruskan pada masa hadapan selain turut memberi pelbagai manfaat dalam aspek tambah nilai kemahiran insaniah serta menambahkan ilmu dan bertukar-tukar pendapat.

Majlis penutup disempurnakan oleh Pengarah Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik, Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa, Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Rusllim Mohamed yang turut dihadiri Timbalan Dekan (Akademik & Hal Ehwal Pelajar) FKKSA, Profesor Madya Dr. Wan Mohd Hafizuddin Wan Yussof.

-
- 141 views

[View PDF](#)